




# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS: 26 OKTOBER 2017**



## **KANDUNGAN**


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 52 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO.: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**23 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2017**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK NGEH HOO KAM**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017 [ KHAMIS ]**

**SOALAN :**

Datuk Ngeh Hoo Kam minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah daripada RM510 juta peruntukan tambahan bagi tujuan tanam semula pokok getah dan sawit yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 18 Mei 2017 sudah disediakan untuk tujuan tersebut bagi tahun 2017.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada 18 Mei 2017, sempena Sambutan 100 Tahun Kegemilangan Industri Sawit Negara, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM510 juta bagi pelaksanaan Skim Tanam Baru dan Tanam Semula bagi komoditi sawit sahaja kepada pekebun kecil. Peruntukan tersebut akan dibahagi mengikut keluasan permohonan Tanam Baru dan Tanam Semula Sawit bagi tempoh 2017 hingga 2020. Bagi tahun 2017, sebanyak 1,331 hektar yang melibatkan seramai 341 pekebun kecil telah diluluskan untuk pelaksanaan Tanam Baru dan Tanam Semula Sawit.

Sekian, terima kasih.

4

**SOALAN NO.: 11**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK JOSEPH SALANG GANDUM**  
**KAWASAN : JULAU**  
**TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JOSEPH SALANG GANDUM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek jalan raya yang sedang dalam perancangan di Sarawak selain daripada projek Lebuh Raya Pan Borneo.

5

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan pelan jangka masa panjang Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia atau *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian sememangnya telah mempunyai perancangan jangka panjang untuk membina jalan baru dan menaiktaraf jalan di Sarawak selain daripada projek lebuhraya Pan Borneo.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *Rolling Plan Ketiga* (RP3) RMKe-11, Kementerian telah memohon pelaksanaan **satu (1) projek baru** kepada Agensi Pusat iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk **melaksanakan projek menaiktraf laluan 8101 Jalan Datuk Musa dari KM 8 ke Bulatan G3, Kota Samarahan, Kuching.**

Selain daripada projek tersebut di atas terdapat dua (2) projek yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi **skop kerja-kerja awalan dan rekabentuk sahaja** iaitu:

- i. Projek Jambatan Batang Rambungan, Matang, Kuching; dan
- ii. Projek Flyover Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu.

Walau bagaimanapun, kelulusan melaksanakan projek-projek ini bagi **fasa pembinaan** adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat yang juga turut dimohon dalam *Rolling Plan Ketiga* (RP3) RMKe-11.

Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga tiga (3) projek yang telah diluluskan iaitu:

- i. Projek Pembinaan Jambatan Batang Lupar yang sedang dalam proses pelantikan perunding;
- ii. Projek Pembinaan Jambatan Batang Igan yang sedang dalam proses tender; dan
- iii. Projek Pembinaan Jejantas SMK Bintulu yang sedang dalam proses rekabentuk.

Ketiga-tiga projek ini akan dimulakan pembinaan apabila semua proses di atas selesai.

Perancangan semua projek di atas ini bagi projek di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya sahaja tidak termasuk projek-projek di bawah kementerian lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi jalan-jalan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**7**

**SOALAN ( 12 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**SOALAN :-**

**YB Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dan menyenaraikan projek-projek tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di bawah Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia mengikut Kawasan Parlimen terutama sekali kawasan-kawasan di mana distribusi penduduk India yang agak signifikan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) pada 23 April 2017. Sebanyak 34 sasaran telah dikenal pasti oleh Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) bagi tempoh pelaksanaan MIB tersebut dalam tempoh 2016 hingga 2025.

SEDIC telah menetapkan 9 sasaran untuk dicapai pada tahun 2017/2018 di bawah pelaksanaan Pelan Tindakan Masyarakat India. Sasaran-sasaran ini merupakan langkah komprehensif untuk memastikan pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara *holistic* seperti berikut:

- I. Mendaftarkan isi rumah kaum India B40 dalam program eKasih;
- II. Pembinaan lebih banyak rumah mampu milik untuk kaum India;
- III. Memperkasakan program keusahawanan untuk kaum India;
- IV. Penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat India;
- V. Meningkatkan bilangan pelajar India di Universiti Awam;
- VI. Memenuhi keperluan asas;

- 9
- VII. Merealisasikan potensi setiap kanak-kanak;
  - VIII. Menambahbaik kehidupan dan kekayaan; dan
  - IX. Meningkatkan penyertaan sosial

Di antara KPI bagi sasaran-sasaran tersebut tersebut adalah melancarkan Saham Ekuiti PNB sebanyak RM500juta, mencapai sekurang-kurangnya 7% penjawat awam India, mencapai kemasukan ke IPTA sekurang-kurangnya 7%, memastikan kesemua yang berada dalam kumpulan B40 masyarakat India berdaftar di bawah skim bantuan kerajaan seperti e-Kasih dan program-program peningkatan kapasiiti masyarakat India.

Program-program di bawah Pelan Tindakan Masyarakat India adalah bersifat makro dan merangkumi seluruh masyarakat India di seluruh negara. SEDIC akan memastikan bahawa keterangkuman ini sentiasa dipatuhi dan dipantau. Bagi program-program peningkatan kapasiti ianya juga meliputi keperluan masyarakat seluruh negara dengan harapan supaya tidak ada individu yang memerlukan apa jua jenis intervensi oleh SEDIC dipinggirkan.

Sekian, terima kasih.

26 Oktober 2017

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAK  
[LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017  
(KHAMIS)**

**SOALAN : 13**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat mana perancangan untuk membekalkan bekalan air luar bandar ke kawasan Hilir Skrang, Hilir Engkili, Rasau, Ng. Kumpang, Danau, Kanadis, Kumpang Langgir, Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air terawat luar bandar di kawasan Parlimen Lubok Antu seperti kawasan Hilir Skrang, Hilir Engkili, Rasau, Ng. Kumpang, Danau, Kanadis, Kumpang Langgir, Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai.

Untuk makluman Yang Berhormat, rekabentuk awalan projek ini telah pun siap. Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*) projek ini telah diadakan pada 14 – 18 Ogos 2017 yang lalu. Pihak perunding dan jurukur sedang melaksanakan kerja ukur tambahan di beberapa kawasan dan dijangka selesai pada pertengahan bulan November 2017.

Satu Makmal Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering Lab*) juga perlu dilaksanakan tertakluk kepada keputusan Ibu Pejabat JKR setelah kerja pengukuran diselesaikan. Projek ini dijangka dapat ditender pada bulan Mei 2018 tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah dan dijangka siap pada bulan Ogos 2020.